

Bencana melanda akibat kerakusan manusia

Oleh Abdul Razak Idris

APABILA bencana gempa berlaku di China dan taufan Nargis melanda Myanmar, baru-baru ini seluruh penduduk dunia turut prihatin dan berkongsi suka-duka dengan rakyat kedua-dua negara itu. Era globalisasi dunia semakin mengecil, namun ibarat mencubit paha kanan paha kiri terasa. Keperitan manusia di negara lain turut dirasakan oleh penduduk Malaysia yang amat sensitif dan penyayang. Bantuan makanan dan perubatan dari pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan mencurah untuk insan yang ditimpa musibah.

Negara kita turut pernah dilanda banjir besar di Johor dan Pahang serta tempas tsunami 2004 yang melanda sebahagian negeri di Utara Semenanjung. Angka korban akibat amukan alam semula jadi seperti tsunami pada Disember 2004 di Sumatera, taufan Nargis di Myanmar, gempa bumi di India dan Bam, Iran mencecah puluhan

ribu orang dan kejadian itu menunjukkan manusia hanyalah makhluk yang merancang dan bukan pemutus segala-galanya.

Walaupun di setiap negara di dunia mempunyai sistem pentadbiran mereka tersendiri, kuasa memerintah yang hebat tidak mampu menahan kuasa Pencipta yang memberi amaran melalui bencana alam yang datang dan pergi tanpa dapat dikesan secara tepat masa ia berlaku dan bila ia akan berakhir.

Sesungguhnya, manusia hanya mampu meramal berpandukan statistik dan kajian meteorologi yang canggih. Namun, jika bumi bersuara dan angin taufan bernafas kencang, tiada satu benteng di dunia yang dapat menahan akibat daripada gegaran suara bumi dan hembusan nafas taufan yang menggila. Manusia bangga dengan teknologi yang adakalanya menyebabkan suhu bumi semakin panas akibat pelepasan gas rumah hijau chloroflorocarbon atau nama komersialnya CFC.

Ketebalan lapisan ozon semakin menipis,

cahaya mentari yang menyegarkan badan dulu menjadi menyengat kerana penapis sudah hampir nipis. Ibunabadi (Glacier) semakin hilang statusnya sebagai salji kekal yang sudah mencair dan kini sebatu dengan air laut dan kesan pemanasan global ini menyebabkan orang di negara bawah aras laut menjadi semakin bimbang.

Negara kepulauan juga diramalkan saintis akan tenggelam dalam masa kurang dari 50 tahun kesan siklon tropika yang menghempas pulau akibat kepanasan atmosfera yang memberi kesan kepada ketidakentuan cuaca dunia.

Soal menjaga alam sekitar seperti yang dipersetujui negara maju kecuali Amerika Syarikat dalam Protokol Kyoto untuk sama-sama mengurangkan pelepasan gas rumah hijau yang memudaratkan kesihatan bumi yang semakin panas dari hari ke hari perlu juga diberi perhatian negara Selatan seperti negara kita. Fenomena ketidakentuan cuaca dunia hari ini dan bencana alam seperti ancaman letusan gunung berapi di

negara Amerika Selatan dan tengah mengikut sejarah bukan perkara yang ganjil mengikut kitaran alam semula jadi sejak beratus ribu tahun lalu.

Cuma kita perlu mengakui dunia yang kita huni kini semakin tua. Dunia berubah dari semasa ke semasa secara evolusi dan setiap negara di dunia perlu mengakui jika kita meminta sesuatu dari bumi ia akan memintanya kembali dengan caranya tersendiri. Di perut bumi berpuluh batu di dalamnya minyak mentah disedut dan gas asli disejat oleh manusia demi pembangunan ekonomi manusia itu sendiri.

Dunia kita ini ialah dunia yang dilanda perubahan akibat tangan manusia sendiri. Korban nyawa akibat memburu kemajuan dunia seperti tidak dapat dielakkan apabila kerana memburu permata hitam iaitu minyak, negara pengeluar menjadi mangsa penjajahan ketenteraan atas nama membebaskan negara itu daripada cengkaman politik kuku besi. Yang menyedihkan negara yang tidak mempunyai permata hitam itu tidak pula dibela walaupun iclas de

itu tidak pula dibela walaupun jelas demokrasi semakin terhakis. Inilah dunia baru ciptaan manusia sendiri.

Bencana kemanusiaan yang melanda penduduk beberapa negara Afrika seperti Rwanda dan Zimbabwe akibat percaturan politikus yang rakus kuasa menjadikan kebuluran dan masalah rakyat semakin nazak. Buat kita di Malaysia, nikmat yang ada masih lagi boleh disyukuri walaupun barang naik seperti suhu cuaca dunia.

Cuma panasnya suhu dunia menghakis glasier, kenaikan harga barang di Malaysia menghakis sokongan rakyat kepada kepimpinan sedia ada. Sedangkan dunia bergegar kerana kenaikan harga minyak hingga mencecah AS\$124 setong, inikan Malaysia sedikit gegaran isu kenaikan harga barang boleh menggoncang kesetiaan rakyat yang selesa selama ini dengan barangan bersubsidi.

Sesungguhnya, dunia baru kita yang berlainan corak kehidupan umatnya sudah semakin tua dan memerlukan perhatian dari segi penjagaan muka bumi dan isi perutnya. Penggunaan minyak fosil yang memudaratkan cuaca alam hingga berlaku pemanasan global perlu dihadkan dan penggunaan minyak biodiesel dari tumbuh-tumbuhan perlu digalakkan dan diberi insentif Bank Dunia. Fenomena bencana alam tidak terjadi sendiri jika tiada kesan perubahan sistem cuaca dunia dan usia bumi yang semakin mengalami evolusi semula jadi yang di luar kawalan kita manusia biasa.

Cuma kita perlu berusaha mencorakkan dunia yang lebih sesuai untuk diduduki dengan mengawal alam sekitar dari kesan CFC dan pencemaran alam seperti penebangan hutan tanpa langkah pemuliharaan sewajarnya.